PETUNJUK

Tarh kuli Andisha Islami Dar Quran

طرح کلی اندیشه اسلامی در قرآن

Soeloeh Merdeka ialah *imprint Kawah Buku* yang memfokuskan kepada genre yang umum termasuklah karya-karya pop dan separa ilmiah. Didirikan pada tahun 2019, nama *imprint* ini terilham daripada sebuah akhbar yang diterbitkan di Medan, Indonesia sekitar tahun 1940-an, yang berpengaruh sewaktu Revolusi Sosial Sumatera Timur. Istilah "*Soeloeh*" setara dengan *Suluh* (yang biasa diguna pakai di Malaya). Ejaan ini dikekalkan, sebagai memberi penghormatan kepada van Ophuijsen, kerana beliaulah orang pertama membakukan ejaan bahasa Melayu di Indonesia, menerusi karyanya *Maleische Spraakkunst* pada tahun 1910.

PETUNJUK

Tarh kuli Andisha Islami Dar Quran

طرح کلی اندیشه اسلامی در قرآن

Ali Khamenei

Penterjemah
Khairunisa

Bangi

© Kawah Buku, hak cipta terjemahan dan penerbitan

Terjemahan dan adaptasi daripada edisi Indonesia, *Akar Keimanan* (Penerbit RIMA, 1989), yang diterjemah daripada judul asal *Tarh kuli Andisha Islami Dar Quran*; diterbitkan dengan izin Pejabat Pemimpin Agung, Republik Islam Iran.

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluar ulang mana-mana bahagian, artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan cara sekalipun, sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau sebarang cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada pemegang hak cipta.

Edisi ini diterbitkan pada tahun 2026 oleh

Soeloeh Merdeka, *sebuah imprint* **Kawah Buku**
(*Didaftarkan di bawah Soeloeh Merdeka Publishing*)
Bandar Baru Bangi
43650 Selangor

press.kawahbuku.com

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Perpustakaan Negara Malaysia

Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati
dari Perpustakaan Negara Malaysia

ISBN 978-629-7963-09-9

Terjemahan dan suntingan oleh Khairunisa
Bacaan semak oleh Azan Safar dan Hanisa S.
Rekaletak dan atur huruf oleh Iskandar Kamel
Reka bentuk kulit oleh Amin Landak

Diterbitkan di Malaysia
Dicetak oleh Valley Prestasi Printers

2 4 6 8 10 9 7 5 3 1

Pihak musuh benar-benar mengetahui dan menyedari bahawa jika umat Islam di seluruh dunia saling bersatu-padu jiwa dan raga serta saling bekerjasama, maka tiada satu kuasa pun akan mampu menandingi mahupun menundukkan mereka. Oleh itu, satu-satunya cara bagi pihak musuh untuk menggagalkan semua usaha perpaduan ini adalah dengan menyemai benih-benih perpecahan dalam kalangan seluruh umat Islam di dunia.

—Imam Khomeini, 13 Januari 1982

ISI KANDUNGAN

Nota Penerbit
ix

Prawacana
xi

Pendahuluan
xv

Prolog
xix

Iman
1

Tauhid
17

Kenabian
33

Wewenang
59

Ali Khamenei; Sebuah Penghormatan
77

NOTA PENERBIT

Menyaksikan babak imperialisme terus berulang dalam dunia moden hari ini menuntut kita untuk bersikap. Kuasa-kuasa besar Barat yang tidak pernah berhenti mencari jalan meluaskan empayar melalui peperangan, sekatan dan penjajahan ialah manifestasi keangkuhan yang wajib ditentang oleh manusia yang masih memiliki nurani.

Sejak Amerika Syarikat dan sekutunya melancarkan serangan terhadap Republik Islam Iran pada awal tahun ini, Iran tidak pernah berganjak. Mereka terus berdiri dan bertahan, meskipun Pemimpin Agungnya, Sayyed Ali Hosseini Khamenei, telah dibunuh dan menemui syahid dalam tempoh tersebut.

Ketika menyaksikan bagaimana perlawanan itu diteruskan dengan penuh keyakinan, kami terpanggil untuk menelusuri apakah inti kekuatan yang membentuk jiwa mereka sedemikian rupa. Apakah pesan-pesan yang membina watak dan peribadi sebuah masyarakat yang begitu kental ini. Maka, usaha menerbitkan semula karya yang ditulis oleh as-Syahid ini bukan sekadar kerja untuk melengkapkan jadual penerbitan, tetapi juga sebuah penghormatan terhadap legasi perjuangan beliau yang panjang melawan imperialisme Amerika dan Zionis.

Karya asal bagi *Petunjuk* berjudul *Tarh kuli Andisha Islami Dar Quran*. Ia merupakan himpunan ucapan as-Syahid yang disampaikan sepanjang tahun 1974 sebelum dikumpul dan disunting menjadi sebuah buku. *Petunjuk* dialih bahasa daripada edisi Indonesia berjudul *Akar Keimanan* (Penerbit RIMA, 1989). Dalam banyak sisi, buku ini juga dapat dibaca sebagai mukadimah kepada gagasan yang lebih besar tentang *Ukhwah Islamiah* (Persaudaraan Islam) oleh as-Syahid.

Bagi tujuan rujukan terjemahan al-Quran, kami menggunakan platform Quran.com dengan memilih terjemahan bahasa Melayu yang disusun oleh Abdullah Muhammad Basmeih, yang juga merupakan penyusun *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman*.

Semoga penerbitan ini memberi manfaat kepada para pembaca, dan menjadi wasilah dalam memahami makna keteguhan, keimanan dan persaudaraan dalam zaman yang penuh wasangka ini.

PRAWACANA

Salah satu karya as-Syahid Sayyed Ali Khamenei yang pernah berlegar dalam masyarakat negara ini adalah nota beliau yang diberi judul *Petunjuk* (versi lama dengan judul *Akar Keimanan*) yang merupakan prakata untuk satu nota panjang berjudul *Ukhuwwah Islamiyyah* (Persaudaraan Islam) yang dihantar ke kota-kota di Iran untuk menekankan kepada perpaduan umat Islam.

Risalah persaudaraan itu kemudian tersebar ke seluruh dunia Islam dan menjadi satu risalah yang memberi kefahaman mengenai apa itu 'Islam Iran' pada tahun 1980-an.

Dalam prakatanya, as-Syahid Ali Khamenei menekankan kepentingan iman yang menurut beliau bukanlah hanya satu penyataan semata-mata, bahkan ada pertanggungjawabannya. Untuk itu beliau menyarankan umat agar menyemak al-Quran dan janji-janji yang diketengahkan oleh Allah di dalamnya.

Beliau menyatakan umat Islam perlu mengetahui tujuan penciptaannya dan bagaimana untuk mencapai petunjuk tersebut. Terdapat banyak kejahilan dan kepalsuan yang akan menutup arah, maka ia harus dibuka dengan cahaya kebenaran.

Sudah tentu cahaya tersebut tidak lain tidak bukan adalah tauhid dan perenungan terhadap

seluruh aspek ketauhidan itu. Tauhid menurut as-Syahid akan mempengaruhi watak manusia sehingga ia akan membentuk masyarakat dan membentuk individu.

As-Syahid juga melihat kenabian dan risalahnya bukan hanya sebagai satu kesaksian, tetapi juga adalah satu kebangkitan; yakni kenabian itu sendiri adalah kebangkitan manakala kebangkitan itu bukanlah kebangkitan biasa-biasa bahkan untuk menghapuskan kejahatan dan mencapai makam kemanusiaan yang mulia dan punya manfaat.

Dalam prakatanya, as-Syahid membawa contoh bagaimana Nabi Musa berdepan dengan kezaliman Firaun. Untuk berdepan kekejaman penguasa jahat seperti Firaun, beliau menyatakan bahawa tauhid menawarkan sistem sosial yang ideal tatkala ia menitik beratkan kepada kebebasan, penghormatan, keadilan sosial dan pembasmian kezaliman.

Sekiranya umat dapat membezakan antara kebatilan dan kebenaran, maka generasi kita yang mendatang akan terselamat daripada penyelewengan.

As-Syahid banyak mengupas mengenai 'tuhan palsu' dalam buku ini dan ia dilebarkan kepada perbahasan seputar berhala, semisal Baal yang disembah rejim Amerika-Zionis.

Tuhan palsu ini menyamar dan menyelit dalam kalangan kita dan ia menjelma dalam bentuk kelas. Dalam *Petunjuk*, as-Syahid menyatakan adapun kelas yang dimaksudkan adalah kelas Firaun, kelas Haman dan Qarun; yang mana kesemuanya menjadikan benda dan kebendaan sebagai Tuhan.

Kesatuan umat yang diingini, menurut as-Syahid, tidak akan dapat berlaku tanpa wewenang (walayat), yakni kekuasaan dan kepimpinan. Wewenang untuk meletakkan keadilan dan keselamatan dalam masyarakat, supaya setiap anggotanya boleh tumbuh subur menjadi hamba Tuhan yang tulen, supaya manusia kembali dan dapat menuju kepada fitrah penciptaannya. Wewenang bukan Tuhan dalam konteks ini adalah taghut, kebatilan dan keiblisan.

Pembunuhan as-Syahid Sayyed Ali Khamenei bukan pengakhiran perlawanan menentang Amerika-Zionis—malah ia permulaan. Akan ada lagi puncak-puncak perlawanan yang luar biasa sehingga ke akhir zaman. Ini hanya satu episod daripada macam-macam episod menuju kemuncaknya. Penyembah Baal tidak akan faham bahawa, dalam Islam, seorang yang syahid tidak mati—akan tetapi kekal hidup.

Bacalah *Petunjuk*, rakaman pesan-pesan seorang Hussaini, namanya Ali Khamenei yang lahir di Mashad, Iran pada tahun 1939 dan pernah terselamat dalam satu cubaan bunuh pada 27 Jun 1981 ketika sedang berkhutbah.

Mohd Faizal Musa

PENDAHULUAN

Memperkenalkan Islam sebagai sebuah ideologi yang memberikan kesejahteraan kepada segenap lapisan masyarakat dengan memberi penekanan kepada perpaduan dan prinsip yang teguh untuk kemaslahatan ummah adalah usaha yang amat digalakkan sekali. Namun, kajian mengenai Islam sebelum ini mempunyai dua kekurangan ciri utama ini. Apabila membuat perbandingan dengan aliran pemikiran serta ideologi-ideologi semasa yang lain, kajian tersebut gagal memberikan jalan keluar atau kesimpulan yang bersifat syumul (menyeluruh).

Ini bermakna, kita masih belum mampu untuk mendefinisikan hubungan antara Islam dengan disiplin aliran pemikiran yang lain dengan berkesan. Tambahan pula, kajian-kajian tersebut tidak menitikberatkan aspek praktikal dan kesannya terhadap masyarakat. Dapatan tersebut bukanlah satu kajian yang konkrit, sebaliknya hanya sekadar wacana teori. Perbincangan tersebut langsung tidak memberikan gambaran yang jelas mengenai cara hidup bermasyarakat, struktur sosial, dan tanggungjawab kita sebagai manusia.

Al-Quran merupakan teras utama ajaran Islam, namun kitab suci ini akan gagal memainkan peranan yang sepatutnya dalam kalangan manusia sekiranya kisah-kisah khurafat dan adat res-

am diagungkan sebagai pegangan. Maka, yang berkembang hanyalah sekadar kepercayaan terhadap agama semata, bukannya inti pati al-Quran itu sendiri. Pengabaian terhadap inti pati inilah yang menyebabkan sebahagian masyarakat sekadar membaca ayat-ayat al-Quran tanpa penghayatan. Mereka yang membaca al-Quran sedemikian bukan kerana mahu mencari ketenangan jiwa atau keberkatan, tetapi sekadar mahu mengejar kepentingan duniawi yang lain. Hal ini menyebabkan al-Quran sering dijadikan sebagai alat untuk kepentingan peribadi dan maksudnya diputar belit oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.

Dalam kajian Islam, terdapat tiga ciri penting yang perlu dijadikan teras serta diberikan perhatian yang khusus oleh para pemikir Islam. Pertama, setiap bentuk pengajaran dan sistem pemikiran Islam mestilah menghapuskan kecenderungan cara fikir yang terlalu teoretikal dan tidak membuahkan hasil. Sebagaimana aliran pemikiran dunia yang lain, Islam seharusnya menekankan tuntutan amal serta peranan kehidupan yang nyata dalam masyarakat. Setiap aspek keagamaan mestilah menyentuh tentang pola kehidupan manusia dan menjelaskan hakikat mengapa kita diciptakan termasuklah jalan yang terperinci untuk mencapai tujuan tersebut.

Kedua, setiap aspek pemikiran Islam mestilah dikaji secara menyeluruh sebagai satu sistem yang bersepadu dan kukuh. Setiap bahagian harus dilihat sebagai komponen penting kepada keseluruhan agama, ibarat batu bata yang membentuk sebuah binaan yang teguh. Kesemua aspek ini saling berkait serta tidak boleh dipisah-pisahkan. Melalui

pendekatan ini, pemahaman yang mendalam mengenai prinsip-prinsip Islam dapat diterapkan dalam jiwa setiap insan. Kefahaman ini membolehkan kita menampilkan Islam sebagai sebuah ideologi yang sempurna dan jelas, selaras dengan hakikat kehidupan manusia yang hadir daripada pelbagai dimensi serta latar belakang yang berbeza.

Ketiga, dalam usaha untuk memahami prinsip-prinsip Islam, adalah penting untuk menyedari bahawa teks-teks agama serta penulisan selain al-Quran harus dilihat sebagai ulasan, ketetapan, dan hasil pemikiran manusia daripada pelbagai latar belakang. Al-Quran adalah sumber yang asli dan sempurna, yang menjadi tempat pergantungan setiap insan untuk mencapai segala matlamat hidup. Setiap pembaca dituntut agar merenungi setiap maksud ayatnya dengan mendalam, sebagaimana yang diperintahkan oleh Allah SWT.

Apa yang dihimpunkan dalam risalah ini bertujuan untuk menunjukkan usaha-usaha untuk mencapai matlamat yang telah dinyatakan sebelum ini. Risalah ini bermula dengan catatan mengenai Islam yang disampaikan melalui siri-siri kuliah. Dalam syarahan tersebut, usaha dilakukan untuk menggali asas-asas Islam berpandukan ayat-ayat Al-Quran menerusi kaedah perbincangan yang mendalam. Bagi memperkukuh huraian mengenai Al-Quran, tradisi Rasulullah SAW serta pandangan para alim ulama dijadikan sebagai teladan. Melalui pendekatan ini, setiap prinsip Islam dapat dijelaskan sebagai sebahagian daripada sistem pemikiran dan ideologi Islam daripada sudut pandang amalan yang nyata.

Akhir sekali, segala inti pati kuliah telah dicatatkan dan diedarkan kepada para pendengar pada setiap hari. Hal ini adalah untuk memberi peluang kepada setiap pendengar bagi membuat ringkasan mengenai topik-topik yang dibincangkan. Ringkasan tersebut seterusnya menjadi sumber rujukan bagi mencambah pemikiran mereka. Apa yang terkandung dalam buku ini merupakan hasil himpunan ringkasan tersebut (dengan sedikit pindaan). Penerbitan buku ini juga dilakukan atas permintaan ramai daripada kalangan mereka yang mengikuti siri ceramah tersebut.

PROLOG

Ukhuwah Islamiah merupakan konsep utama dalam Islam yang menjadi asas serta landasan bagi seluruh prinsip falsafah umat Islam dan pandangan hidupnya. Sekiranya manusia berusaha untuk meneliti tanda-tanda yang membuktikan kewujudan alam yang indah dan menakjubkan ini dengan memikirkan setiap perkembangan, mengkaji peristiwa, meninjau asal-usulnya, mengikuti peredarannya, mencintai setiap aspek kehidupan yang muncul daripadanya, dan semua realiti kehidupan, sama ada yang kecil atau besar, dalam alam semesta ciptaan Allah SWT, Tuhan Yang Maha Esa dan Maha Kuasa, pasti akan terungkap kepadanya sinar kebenaran dan rahmat yang disertai keyakinan yang teguh terhadap keesaan Ilahi.

Mengakui keesaan dan ketauhidan Allah bermakna mengakui sunnah dan keesaan seluruh ciptaan-Nya. Perbuatan yang menyekutukan Allah bermakna merosakkan hukum alam sehingga menjadi pecah-belah, yang akhirnya membawa kepada kepincangan dan seluruh sistem alam ini menjadi tidak terkawal. Sudah tentu, fahaman seperti ini ditolak dan ditentang oleh semua falsafah agama samawi.

Berdasarkan falsafah ini, Islam percaya bahawa alam ini merupakan suatu unsur yang tersusun

dalam satu aturan yang lengkap dan sempurna. Segala sesuatu diletakkan pada tempat yang selayaknya, di mana perkara yang kecil menjadi sebahagian daripada perkara yang besar dan saling berkait dengan kejadian yang lebih luas, dan begitulah seterusnya.

Pandangan Islam terhadap alam ini sangat berbeza daripada pandangan golongan yang berpendapat bahawa aturan alam ini tidak seimbang, dan ini adalah pandangan yang saling bertentangan. Pertentangan inilah yang menjadi punca kepada perbezaan pandangan mereka daripada sudut sosiologi, falsafah dan sejarah. Islam melihat alam ini sebagai sebuah hamparan yang indah dan harmoni, yang meletakkan semua ciptaan berada pada tahap keseimbangan yang sempurna, malah setiap satu daripadanya saling berkait dalam satu sistem yang semula jadi dan teratur. Dengan ini, dapat disimpulkan bahawa setiap entiti, walau sekecil mana sekalipun dan dalam apa jua keadaan, merupakan sebahagian daripada sistem yang kompleks yang disebut sebagai alam semesta. Ini adalah bukti yang nyata tentang keseragaman dan keserasian alam ini.

وَٱلسَّمَآءَ بَنَيْنَٰهَا بِأَيْىدٍ وَإِنَّا لَمُوسِعُونَ ٤٧ وَٱلْأَرْضَ فَرَشْنَٰهَا فَنِعْمَ ٱلْمَٰهِدُونَ ٤٨ وَمِن كُلِّ شَىْءٍ خَلَقْنَا زَوْجَيْنِ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ٤٩

Dan langit itu Kami dirikan dengan kekuasaan Kami. Dan sesungguhnya Kami mempunyai kekuasaan yang luas tidak terhingga. Dan bumi pula Kami hamparkan; maka Kamilah sebaik-baik yang menghamparkannya. Dan tiap-tiap jenis Kami ciptakan berpasangan, supaya kamu mengingati. (Adh-Dhariyat: 47– 49)

Keharmonian dan keteraturan dunia ini dapat dilihat pada alam semesta yang mampu menyuburkan rasa harmoni dalam diri kita serta mendorong untuk kita percaya bahawa kehidupan manusia juga mengikut ketentuan Allah SWT, sebagai sebahagian daripada alam yang berkembang dan bergerak mengikut fitrah semula jadi. Asal-usul manusia adalah satu. Setiap insan mempunyai fitrah yang sama, iaitu bergerak ke arah tujuan yang sama. Perbezaan warna kulit, bahasa, serta latar belakang sejarah dan geografi tidak boleh dianggap sebagai penghalang kepada hakikat asal-usul manusia.

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ إِنَّا خَلَقۡنَٰكُم مِّن ذَكَرٖ وَأُنثَىٰ وَجَعَلۡنَٰكُمۡ شُعُوبٗا وَقَبَآئِلَ لِتَعَارَفُوٓاْۚ إِنَّ أَكۡرَمَكُمۡ عِندَ ٱللَّهِ أَتۡقَىٰكُمۡۚ إِنَّ ٱللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٞ ١٣

> Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu daripada lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih taqwanya antara kamu, (bukan keturunan atau bangsanya). Sesungguhnya Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Mendalam PengetahuanNya. (Al-Hujurat: 13)

Al-Quran menjelaskan, orang-orang yang mencetuskan perpecahan dan perselisihan pendapat dalam masyarakat merupakan golongan yang memutuskan ikatan ummah. Tindakan ini menimbulkan pergolakan antara hati dan akal mereka, yang akhirnya akan mengakibatkan mereka berpuak-puak dengan pemikiran yang jumud, seolah-olah telah terpedaya oleh hasutan syaitan

laknatullah.

إِنَّ فِرْعَوْنَ عَلَا فِي ٱلْأَرْضِ وَجَعَلَ أَهْلَهَا شِيَعًا يَسْتَضْعِفُ طَآئِفَةً مِّنْهُمْ يُذَبِّحُ أَبْنَآءَهُمْ وَيَسْتَحْيِۦ نِسَآءَهُمْ ۚ إِنَّهُۥ كَانَ مِنَ ٱلْمُفْسِدِينَ ٤

Sesungguhnya Firaun telah berlaku zalim di bumi (Mesir) dengan melampaui batas, serta dia menjadikan penduduknya berpuak-puak. Dia menindas sepuak di antaranya dengan membunuh anak-anak lelaki mereka dan membiarkan hidup anak-anak perempuan mereka. Sesungguhnya adalah ia daripada golongan yang membuat kerosakan. (Al-Qasas: 4)

Syaitan akan menggunakan orang-orang yang berbuat sedemikian sebagai alat untuk mendapatkan pengikut, sekali gus mengukuhkan lagi kedudukan pemerintah yang zalim dan tidak adil.

وَمَا تَفَرَّقُوٓا۟ إِلَّا مِنۢ بَعْدِ مَا جَآءَهُمُ ٱلْعِلْمُ بَغْيًۢا بَيْنَهُمْ ۚ وَلَوْلَا كَلِمَةٌ سَبَقَتْ مِن رَّبِّكَ إِلَىٰٓ أَجَلٍ مُّسَمًّى لَّقُضِىَ بَيْنَهُمْ ١٤

Dan mereka tidak berpecah-belah kecuali setelah datang kepada mereka ilmu (kebenaran yang disampaikan oleh para nabi), kerana kedengkian antara sesama mereka. Dan kalaulah bukan kerana telah datangnya kalimah ketetapan dari Tuhanmu (untuk menangguhkan hukuman) hingga ke suatu masa yang tertentu, tentulah dijatuhkan hukuman azab dengan serta-merta ke atas mereka... (Ash-Shuraa: 14)

Ayat ini menjelaskan pandangan Islam mengenai asal-usul manusia sebagai sebuah masyarakat yang berkongsi cita-cita dan matlamat yang sama. Islam menyeru umatnya agar bersatu di bawah satu kepercayaan dan sentiasa bekerjasama. Kepercayaan, perjuangan, dan matlamat ini adalah

simbol yang sama, iaitu agama yang dibawa oleh para Rasul kepada umat mereka pada zaman yang berbeza.

Hakikatnya, agama merupakan manifestasi kepada perpaduan seluruh umat manusia dalam sesuatu zaman. Mereka diseru untuk menerima wahyu, iaitu agama yang membawa rahmat kepada sesiapa sahaja yang mengikuti jalan yang lurus. Hakikat ini membuktikan betapa pentingnya perpaduan dalam kalangan orang yang beriman. Dalam Islam, perpaduan bukanlah suatu paksaan, sebaliknya merupakan satu keyakinan yang lahir tulus daripada sanubari atas dasar keimanan itu sendiri. Sebagaimana yang dinyatakan oleh seorang tokoh pemikir Islam, "Masyarakat Islam itu mempunyai keterikatan yang sangat erat dengan keesaan Ilahi dan segala aturan alam di sekelilingnya."

Pada masa ini, isu perpaduan merupakan kemelut utama yang perlu diberi perhatian segera oleh mereka yang cintakan Islam. Usaha untuk memurnikan setiap aspek teras dalam dunia Islam serta menguasai ilmu pengetahuan yang mendalam tentang rencana dan cabaran semasa merupakan dua perkara utama yang wajib diberi tumpuan sepenuhnya oleh seluruh umat Islam sebagai agenda yang paling mustahak.

Pada hari ini, apabila kita berbicara mengenai perpaduan, kita sebenarnya bukan sekadar menyentuh persoalan politik, sebaliknya ia merupakan salah satu aspek yang menzahirkan ajaran serta falsafah Islam. Perkara ini seharusnya membangkitkan kesedaran dalam kalangan pemikir Islam, cendekiawan, penulis, wartawan, pemerin-

tah dan rakyat untuk memupuk kesedaran masyarakat agar segera mengambil tindakan terhadap isu yang amat sensitif ini serta bangkit bersama-sama bagi merintis jalan mencapai matlamat penyatuan ini.

Selain daripada tugas kepimpinan politik, usaha membina perpaduan umat Islam juga merupakan satu kewajipan dan tanggungjawab agama. Kami di Republik Islam (Iran) menganggap perkara ini sebagai satu amanah yang perlu digalas demi mempertahankan al-Quran dan Islam, dalam konteks yang lebih luas, bagi seluruh umat manusia, untuk membangkitkan semangat perjuangan walaupun terpaksa mengorbankan nyawa. Mari kita bersama-sama mencapai cita-cita ini. Kami sentiasa sedar bahawa hakikat ini merupakan amanah yang paling utama dan satu kewajipan yang mutlak.

Pada hari ini, terdapat satu bilion umat Islam yang mempunyai keupayaan yang sangat besar. Mereka tinggal di negara-negara terkaya di dunia dengan kekuatan ekonomi yang luar biasa, kedudukan strategik yang penting, serta warisan sejarah yang gemilang untuk dijadikan inspirasi.

Kegemilangan yang agung ini pernah mencapai kemuncaknya serta mendapat keredaan Allah SWT di bawah naungan wahyu Ilahi. Kehebatannya itu memancarkan sinar yang abadi zaman berzaman hingga ke hari ini, sehinggakan dunia pada hari ini turut meraih manfaat daripada khazanah ilmunya, termasuklah dalam kemajuan teknologi dan industri yang amat mengagumkan. Hakikatnya, segala kemajuan yang dicapai oleh Barat kini hanyalah kesinambungan daripada kegemilangan

Islam yang agung itu.

Di negara ini, kita berharap agar berjuta umat Islam dapat bersama menghulurkan tangan sebagai tanda kesedaran dan persaudaraan, serta merapatkan hubungan bagi mencari jalan menuju satu tujuan. Kita berharap agar suatu hari nanti, kita akan bangga melihat lahirnya kuasa Islam di Asia Timur dan Afrika Barat yang bersatu di bawah panji Islam dengan penuh kasih sayang, serta bekerjasama dalam ikatan yang kuat dan padu.

Sudah jelas bahawa tujuan dan objektif penyatuan ummah bukanlah bermakna seluruh umat Islam di dunia perlu mempunyai pendapat yang sama sepenuhnya, atau hanya menganut satu mazhab dan satu sistem perundangan sahaja. Setiap mazhab dalam Islam mempunyai pegangan dan keyakinan yang tersendiri, dan ini tidak seharusnya dianggap sebagai menghalang penyatuan ummah. Namun malangnya, pada hari ini masih terdapat segelintir ulama yang menanam benih perselisihan dan perpecahan umat Islam dengan mendakwa bahawa selagi terdapat perbezaan pendapat antara mazhab, khususnya Syiah dan Sunni, maka selagi itulah penyatuan ummah mustahil untuk direalisasikan.

Ini merupakan dakyah lama yang sama sekali tidak berasas serta lahir daripada hati yang tidak ikhlas. Perkara ini jelas menzahirkan peribadi ulama yang telah jauh terpesong daripada ilmu dan hakikat Islam yang sebenar. Islam tidak pernah menghalang penganutnya mempunyai perbezaan pandangan dan pemikiran, selagi mana perbezaan tersebut tidak membawa kepada permusuhan

serta perpecahan dalam kalangan ummah.

وَمَنْ أَظْلَمُ مِمَّنِ ٱفْتَرَىٰ عَلَى ٱللَّهِ كَذِبًا ۚ أُو۟لَٰٓئِكَ يُعْرَضُونَ عَلَىٰ رَبِّهِمْ وَيَقُولُ ٱلْأَشْهَٰدُ هَٰٓؤُلَآءِ ٱلَّذِينَ كَذَبُوا۟ عَلَىٰ رَبِّهِمْ ۚ أَلَا لَعْنَةُ ٱللَّهِ عَلَى ٱلظَّٰلِمِينَ ١٨

Dan tidak ada yang lebih zalim daripada orang-orang yang mereka-reka perkara-perkara dusta terhadap Allah! Orang-orang yang demikian sifatnya akan dibawa mengadap Tuhan mereka, dan pada hari itu akan berkatalah saksi-saksi (dari malaikat-malaikat, Nabi-nabi, dan anggota-anggota tubuh mereka sendiri): "Inilah orang-orang yang membuat-buat dusta terhadap Tuhan mereka." Ketahuilah (sesungguhnya) laknat Allah tertimpa kepada orang-orang yang zalim! (Hud: 118)

Walaupun terdapat perbezaan pendapat, al-Quran memerintahkan umat Islam agar menjauhi perpecahan dan pertelagahan yang akan mengakibatkan kita melupakan kekuatan perpaduan Islam, sekali gus kehilangan jati diri.

وَأَطِيعُوا۟ ٱللَّهَ وَرَسُولَهُۥ وَلَا تَنَٰزَعُوا۟ فَتَفْشَلُوا۟ وَتَذْهَبَ رِيحُكُمْ ۖ وَٱصْبِرُوٓا۟ ۚ إِنَّ ٱللَّهَ مَعَ ٱلصَّٰبِرِينَ ٤٦

Dan taatlah kamu kepada Allah dan RasulNya, dan janganlah kamu berbantah-bantahan; kalau tidak nescaya kamu menjadi lemah semangat dan hilang kekuatan kamu, dan sabarlah (menghadapi segala kesukaran dengan cekal hati); sesungguhnya Allah beserta orang-orang yang sabar. (Al-Anfal: 46)

Dunia hari ini digerakkan berasaskan pakatan kuasa dan permuafakatan. Negara-negara besar membentuk perjanjian ketenteraan, ekonomi dan pelbagai kerjasama lain untuk mempertahankan dan menjamin kepentingan mereka. Negara-negara lain yang tidak menyertai pakatan tersebut, tetapi

mahu mengukuhkan kedudukan, telah membentuk kelompok mereka sendiri dengan pelbagai nama dan matlamat yang berbeza. Akibatnya, setiap organisasi, kesatuan dan kelompok kini terikat dengan pelbagai perjanjian politik, ekonomi dan ketenteraan, malah sering dijadikan alat propaganda oleh kuasa besar. Semuanya bekerjasama untuk mencapai matlamat masing-masing.

Namun, pada masa yang sama, golongan penghasut dan orang-orang yang suka mengambil kesempatan sibuk mempengaruhi pihak lain supaya menyertai kelompok mereka demi mencapai agenda peribadi. Mereka berusaha dengan sedaya upaya untuk menghalang usaha umat Islam untuk mencapai penyatuan, dengan meniupkan fahaman nasionalisme sempit, membangkitkan sentimen perkauman, asabiyah, budaya asing dan anti-Islam. Tindakan ini sebenarnya hanya akan menyebabkan mereka kehilangan sokongan rakyat yang menjadi akar tunjang kekuatan mereka selama ini.

Oleh kerana mereka memegang kuasa dan lahir dengan nama Islam, terdapat dua kemelut besar yang akan mereka hadapi secara berterusan tanpa henti. Pertama, kerugian dan penderitaan akibat daripada tindakan melulu yang menyebabkan mereka semakin terasing daripada rakyat. Kedua, mereka sendiri sebenarnya tidak akan mampu melepaskan diri sepenuhnya daripada fitrah Islam yang ada dalam diri mereka.

Pemikiran dan pandangan mereka tidak berasaskan Islam, sebaliknya hanya bersandarkan kepada nama Islam semata-mata. Akibatnya, apa yang terhasil bukanlah penyatuan yang sebenar

sebagaimana yang dicita-citakan oleh ummah. Mereka kini hanya menjadi alat kuasa besar dan menjadi punca perselisihan serta perpecahan dalam negara Islam, sekali gus menabur benih perpecahan dalam usaha ke arah penyatuan ummah.

Bagi mencapai matlamat penyatuan, umat Islam pada masa ini terutamanya para ulama, golongan intelektual, penulis, pemikir, pemidato yang menyedari betapa pentingnya perpaduan ini, mestilah bangkit dan tampil ke barisan hadapan.

Dunia Islam memikul tanggungjawab dan hak untuk membina penyatuan yang adil dan berpaksikan kepada kebenaran. Sekiranya terdapat sebarang usaha yang mampu membawa kepada perpaduan tersebut, maka kita mestilah segera memberi sokongan yang penuh. Islam yang dimaksudkan di sini adalah Islam yang menyatukan keyakinan, persamaan matlamat dan membentuk kebersamaan dalam budaya ummah yang rencam; sebagai satu wadah yang membawa ajaran yang murni, yang dapat mengukuhkan ukhuwah serta keadilan di dunia ini.

Al-Quran sewajarnya menjadi pegangan utama untuk membina perpaduan dan sebarang tindakan yang menyimpang daripadanya mestilah disanggah. Berkaitan dengan kesepakatan antara agama samawi (Islam, Kristian dan Yahudi), ayat al-Quran menegaskan bahawa keimanan yang benar kepada Allah dapat menghimpun mereka di bawah satu naungan yang sama:

قُلْ يَٰٓأَهْلَ ٱلْكِتَٰبِ تَعَالَوْا۟ إِلَىٰ كَلِمَةٍ سَوَآءٍۭ بَيْنَنَا وَبَيْنَكُمْ أَلَّا نَعْبُدَ إِلَّا ٱللَّهَ وَلَا نُشْرِكَ بِهِۦ شَيْـًٔا وَلَا يَتَّخِذَ بَعْضُنَا بَعْضًا أَرْبَابًا مِّن دُونِ ٱللَّهِ ۚ فَإِن تَوَلَّوْا۟ فَقُولُوا۟ ٱشْهَدُوا۟ بِأَنَّا مُسْلِمُونَ ٦٤

> Katakanlah (wahai Muhammad): "Wahai Ahli Kitab, marilah kepada satu Kalimah yang bersamaan antara kami dengan kamu, iaitu kita semua tidak menyembah melainkan Allah, dan kita tidak sekutukan denganNya sesuatu jua pun; dan jangan pula sebahagian daripada kita mengambil akan sebahagian yang lain untuk dijadikan orang-orang yang dipuja dan didewa-dewakan selain daripada Allah." Kemudian jika mereka (Ahli Kitab itu) barpaling (enggan menerimanya) maka katakanlah kepada mereka: "Saksikanlah kamu bahawa sesungguhnya kami adalah orang-orang Islam." (Ali 'Imran: 64)

Adalah suatu keanehan sekiranya dalam usaha untuk mencapai penyatuan, terdapat segelintir pemimpin Islam yang meletakkan harapan atau menyerahkan nasib ummah kepada kuasa luar yang jelas berbeza kepercayaan serta matlamatnya. Sebaliknya, mereka sepatutnya merujuk dan kembali kepada saudara seagamanya, iaitu umat Islam sendiri.

Antara faktor utama yang menghalang penyatuan ummah sejak sekian lama, akibat pengaruh politik daripada budaya Barat, adalah fahaman nasionalisme yang sempit. Melalui ideologi ini, penjajah Barat telah menjadikan penyatuan ummah sebagai satu ancaman besar, lalu menggunakan unsur budaya, nasionalisme sempit dan sempadan geografi setiap bangsa sebagai senjata untuk memecahbelahkan umat Islam.

Walaupun nasionalisme mampu menyatukan sesebuah bangsa, namun hal ini juga boleh mem-

bawa kepada perpecahan. Apabila negara-negara yang mempunyai asal usul, sejarah, geografi, bangsa dan budaya yang sama cuba menjalin kerjasama demi manfaat bersama, nasionalisme yang sempit sering kali muncul, lalu mencetuskan rasa curiga, sikap acuh tak acuh, serta sifat mementingkan diri sendiri. Akibatnya, nasionalisme bertukar menjadi penghalang kepada penyatuan dan membawa kepada perpecahan yang lebih parah.

Perkara yang ingin ditekankan adalah sepanjang era penjajahan Barat, mereka hanya memberi tumpuan kepada nasionalisme dalam bentuk yang tertentu. Pada masa yang sama, nasionalisme yang memisahkan antara saudara seagama terus disuburkan. Demi mencetuskan perselisihan, pihak penjajah menjadikan perbezaan bangsa sebagai alat untuk menghasut, menimbulkan kecurigaan, serta mengaitkan kemajuan sesebuah negara dengan sentimen kebangsaan semata-mata. Hal ini dilakukan dengan cara meletakkan ikatan suci seperti Islam di bawah bayang-bayang Pan-Arabisme mahupun Turkisme, lalu mengutamakan ideologi nasionalisme berbanding kepentingan agama.

Agenda 'pecah dan perintah' yang dilakukan oleh penjajah dapat dilihat dengan jelas sejak sedekad yang lalu. Dunia Islam amat memerlukan penyatuan bagi menghadapi serangan serta ancaman gerakan Kristian dan Zionis yang bertujuan untuk melemahkan umat Islam. Namun, setiap kali umat Islam cuba bersatu, nasionalisme yang sempit itu muncul sebagai penghalang.

Menyedari hakikat ini, kita harus bertindak segera dengan memberikan keutamaan kepada Islam sebagai akar kekuatan untuk menyatukan

ummah. Walaupun terdapat pelbagai faktor yang cuba untuk menggugat kekuatan kita, Islam tetap menjadi asas yang paling kukuh dalam membina perpaduan negara-negara Islam.

Sungguh menyedihkan apabila melihat konflik yang melanda negara-negara Arab kerana sentimen Arabisme yang sekian lama diharapkan mampu untuk menyatukan umat Islam, ternyata gagal membawa mereka ke arah perpaduan yang hakiki. Kesannya, mereka kini seolah-olah tidak berdaya dalam mendepani cabaran Zionisme serta sekutu-sekutunya.

Kerugian besar yang ditanggung oleh dunia Islam hari ini berpunca daripada perpecahan dan perselisihan sesama sendiri. Selepas serangan kejam bangsa Mongol dan Perang Salib, sejarah Palestin merupakan satu lagi peristiwa hitam dan tamparan yang sangat hebat buat dunia Islam—iaitu melalui perampasan tanah umat Islam serta pembentukan negara oleh kaum Yahudi dari seluruh pelosok dunia, serta pencerobohan negara Islam yang lain. Peristiwa malang ini telah menyebabkan penderitaan, pertumpahan darah dan kebimbangan yang berpanjangan.

Dalam keadaan ini, umat Islam amat memerlukan perpaduan dan wajib menghapuskan segala jurang perbezaan. Tindakan bersama amat dituntut bagi menghadapi musuh seperti kuasa besar Barat dan Zionis. Namun, negara-negara Islam menunjukkan sikap tidak peduli, malah ada yang sanggup berperang sesama sendiri. Dunia Barat kemudiannya menubuhkan negara Israel di tengah-tengah tanah Arab untuk mencetuskan perpecahan, sekali gus menjadikannya pusat operasi

untuk melancarkan serangan mereka. Lebih malang lagi, negara-negara Islam seolah-olah akur dengan menyediakan pelbagai kemudahan serta bekerjasama dengan musuh mereka sendiri.

Negara-negara Islam seharusnya bermuhasabah dengan meneliti ayat al-Quran:

* أَلَمْ تَرَ إِلَى ٱلَّذِينَ بَدَّلُوا۟ نِعْمَتَ ٱللَّهِ كُفْرًا وَأَحَلُّوا۟ قَوْمَهُمْ دَارَ ٱلْبَوَارِ ٢٨

> Tidakkah engkau melihat (dan merasa ajaib) terhadap orang-orang kafir yang telah menukar kesyukuran nikmat Allah dengan kekufuran, dan yang telah menempatkan kaum mereka dalam kebinasaan? (Ibrahim: 28)

Pada hari ini, pengaruh hegemoni kuasa Timur dan Barat merupakan punca utama perpecahan dan perselisihan dalam kalangan negara Islam. Sudah menjadi tanggungjawab setiap negara Islam dan seluruh umat untuk membebaskan diri daripada cengkaman kuasa-kuasa besar yang bongkak ini.

Kita seharusnya menyedari bahawa segala matlamat dan jalan untuk mencapai penyatuan ummah sebenarnya sudah berada dalam genggaman kita. Hari ini, saudara-saudara kita di Palestin terus ditindas dan dianiaya oleh Zionis, manakala saudara-saudara kita di Afghanistan dizalimi oleh pencerobohan Soviet Union. Lubnan, yang terletak di tengah dunia Islam, terus dicabuli kehormatannya dan berada dalam keadaan yang amat bahaya. Agenda kuasa Timur dan Barat untuk menghancurkan Islam kini semakin jelas dan dapat dihidu oleh sesiapa sahaja. Pengalaman Republik Islam Iran memberikan gambaran

yang jelas tentang kewujudan jati diri yang merdeka dan jiwa besar yang enggan tunduk kepada tekanan kuasa besar. Jiwa besar inilah yang bakal mengembalikan kegemilangan dunia Islam serta mengembalikan kemuliaan dan kehormatan yang telah hilang. Cita-cita murni ini sudah terpahat kemas dalam sanubari seluruh rakyat kami.

Di seluruh dunia, para ulama Islam yang dahulunya hanya menumpukan perhatian kepada fardu ain dan pembentukan sahsiah, kini harus kembali menyuarakan kebenaran al-Quran dan menjadikannya sebagai simbol keagungan serta kemuliaan Islam. Hanya mereka yang tidak bergantung dan terikat kepada penguasa yang zalim sahaja mampu menegakkan panji penyatuan ummah.

Tokoh-tokoh politik yang sekadar mengikut rentak Barat mahupun Timur bukanlah individu yang layak. Mereka hanyalah golongan yang sanggup menggadaikan maruah dan kepentingan untuk berkhidmat dengan 'Firaun' yang berselindung di sebalik Rumah Putih dan Kremlin.

Individu yang dahaga akan kuasa dunia ini hanya mementingkan usaha untuk mengambil kuasa-kuasa besar. Mereka tidak mahu untuk mengusir Zionis Israel, menghentikan perang saudara di Lubnan, mahupun menamatkan penindasan di Afghanistan. Mereka ini tidak bersedia untuk bersatu di bawah satu panji yang sama kerana mereka sedar bahawa penyatuan ini amat digeruni oleh kuasa-kuasa besar. Penyatuan ummah hanya akan tercapai sekiranya dipimpin oleh individu yang mampu menjadi nadi perjuangan umat Islam; iaitu mereka yang berupaya untuk merasai pen-

deritaan, memahami isi hati nurani dan pemikiran ummah.

Penyatuan ummah mestilah dicari dalam kalangan mereka yang jiwanya sentiasa berkiblatkan Kaabah, yang mencari hikmah tentang hakikat di Bukit Arafah, yang menjiwai erti perjuangan sa'i antara Safa dan Marwah, dan menghayati peristiwa di Mina ketika syaitan dilontar batu kerana cuba memesongkan manusia daripada keredaan Allah.

Para pendakwah mestilah terdiri daripada mereka yang bekerja keras untuk ummah serta terlibat secara langsung dalam perjuangan menentang kuasa besar ini. Wahai ulama Islam dan para imam solat Jumaat, ambillah tanggungjawab suci ini dengan menyebarkan sebahagian amanah yang mulia ini. Wahai para sasterawan, penyair, penulis, pemikir dan intelektual, bangkitlah bersama membantu para ulama ini untuk menyuarakan aspirasi yang sama, demi untuk menyeru umat ke arah perpaduan dan kesamarataan.

Demi mencapai kemuncak penyatuan, 'Islam' mestilah menjadi faktor yang mengikat kehidupan masyarakat yang rencam agar menjadi satu; Bahasa Arab diangkat sebagai bahasa perpaduan ummah; manakala asas politik Islam yang bebas dan merdeka pula berpegang kepada prinsip 'Tidak Tunduk ke Barat mahupun Timur'. Selain itu, ibadah haji ke Baitullah adalah simbol kepada keutuhan muafakat yang diperkukuhkan melalui rasa kebersamaan dan kesamarataan yang kini semakin pudar. Inilah tali persaudaraan yang mampu menyatukan pelbagai golongan yang berpecah-belah dengan satu kepercayaan, di satu tempat, dan

di bawah satu panji yang sama.

Saudara-saudaraku dan para intelektual Islam, slogan utama yang dilaungkan dari Republik Islam Iran adalah 'Keesaan Ilahi' dan 'Penyatuan Ummah di Bawah Panji Islam'.

Keesaan Ilahi bermaksud menafikan segala bentuk sekutu terhadap keesaan Allah, serta menolak segala perasaan dan tindakan yang memperhambakan diri selain kepada Allah; inilah teras etika masyarakat Islam. Seruan untuk bersatu di bawah satu panji bermakna kita saling bekerjasama dan sehati sejiwa untuk membina penyatuan ummah yang agung. Demi mempertahankan gagasan ini, Republik Islam Iran terpaksa berhadapan dengan pelbagai kezaliman oleh kuasa besar Timur dan Barat.

Revolusi Iran dengan tegas menyuarakan kebangkitan menentang penguasa yang menindas seluruh umat manusia di dunia. Tindakan ini telah mencetuskan kegusaran dalam kalangan pihak kuasa besar kerana mereka menyedari bahawa kepentingan mereka akan terjejas. Golongan yang meniupkan api perpecahan dalam kalangan umat Islam amat memusuhi kami, hanya kerana kami menyeru kepada perpaduan, keimanan dan persaudaraan, sebagaimana yang telah dijelaskan dalam al-Quran.

وَمَا نَقَمُوا۟ مِنْهُمْ إِلَّآ أَن يُؤْمِنُوا۟ بِٱللَّهِ ٱلْعَزِيزِ ٱلْحَمِيدِ ٨

> Dan mereka tidak marah dan menyeksakan orang-orang yang beriman itu melainkan kerana orang-orang itu beriman kepada Allah Yang Maha Kuasa, lagi Maha Terpuji! (Al-Buruj: 8)

Walau bagaimanapun, kami tetap menyatakan dengan tegas bahawa kolonialisme dan penindasan tidak sesekali akan dapat menggoyahkan pendirian kami, malah kami tidak akan sesekali berundur. Dengan pendirian yang teguh ini, kami ingin membuktikan kepada dunia bahawa kami mampu berdiri tanpa bergantung kepada mereka.

Revolusi kami menuntut pengertian yang mendalam daripada generasi muda; sebuah revolusi yang akan kami wariskan kepada generasi akan datang. Kami akan memastikan mereka tidak mengulangi kesilapan revolusi lalu, yang melupakan sejarah dan matlamat asal selepas selesa menikmati kemenangan. Revolusi kami menentang pembahagian kuasa dunia kepada blok Timur dan blok Barat—sebagaimana yang dilakukan oleh Amerika Syarikat dan Soviet Union. Ini adalah untuk membuktikan kepada dunia bahawa dalam usaha menentang musuh, kita tidak perlu menjadi pengikut mana-mana blok atau bekerjasama dengan satu kelompok kuasa besar semata-mata untuk menjadi lebih kuat.

Pada saat ini, kami meletakkan seluruh keyakinan hanya kepada Allah SWT dan dengan penuh keberanian, kami mengisytiharkan dasar 'Tidak Tunduk kepada Timur dan Barat' untuk membina sebuah republik. Kami sedar akan ancaman musuh yang sentiasa bersatu padu untuk menentang kami, malah setelah beberapa tahun revolusi ini berlangsung, kami dapat merasai tekanan daripada Amerika Syarikat dan Soviet Union di bumi kami sendiri.

Namun, semua ini sedikit pun tidak mengejutkan kami kerana sejak awal lagi, perkara ini telah

pun dijangka. Perkara ini telah dijelaskan dalam al-Quran yang membuktikan bahawa ujian yang sedemikian hanya akan memperteguhkan lagi umat Rasulullah SAW.

وَلَمَّا رَءَا ٱلْمُؤْمِنُونَ ٱلْأَحْزَابَ قَالُوا۟ هَٰذَا مَا وَعَدَنَا ٱللَّهُ وَرَسُولُهُۥ وَصَدَقَ ٱللَّهُ وَرَسُولُهُۥ ۚ وَمَا زَادَهُمْ إِلَّآ إِيمَٰنًا وَتَسْلِيمًا ٢٢

> Dan pada masa orang-orang yang beriman melihat tentera Al-Ahzab, berkatalah mereka: "Inilah yang telah dijanjikan Allah dan RasulNya kepada kami dan benarlah (apa yang telah dijanjikan) Allah dan RasulNya." Dan (angkatan tentera musuh yang mereka lihat) itu tidak memberi sebarang kesan kepada mereka selain daripada menambahkan iman dan penyerahan diri mereka bulat-bulat kepada Allah. (Al-Ahzab: 22)

Dalam peperangan tragis yang lama dan dipaksakan ke atas kami, Soviet Union berulang kali menafikan sekeras-kerasnya bahawa mereka telah membekalkan bantuan senjata kepada Iraq. Namun, hakikat yang berlaku membuktikan bahawa dakwaan kami adalah benar. Senjata-senjata yang memusnahkan bandar-bandar kami, termasuk senjata kimia dan pelbagai kelengkapan lain yang telah meragut nyawa serta mengakibatkan kerosakan yang besar, adalah terang lagi bersuluh hasil pengeluaran daripada simpanan senjata Amerika Syarikat dan Soviet Union. Senjata-senjata ini yang digunakan oleh rejim Iraq untuk menentang seruan perpaduan yang disuarakan oleh Iran, telah disalurkan secara langsung atau melalui rangkaian sekutu mereka.

Apabila hakikat ini mula disedari oleh seluruh dunia, maka segala retorik-retorik man-

is yang dilaungkan oleh kuasa-kuasa besar untuk mengekalkan pengaruhnya di seluruh dunia menjadi tidak lagi bermakna dan berguna sama sekali. Akibatnya, jika selama ini dunia menganggap mereka sebagai pejuang hak asasi manusia serta penentang kepada segala bentuk penindasan yang paling gah, kini kata-kata mereka tidak ubah seperti tin kosong. Segala cacat cela dan kemunafikan yang mereka selindung selama ini akhirnya terpampang jelas di mata dunia.

Mereka yang melabelkan diri mereka sebagai kuasa besar dunia ini yakin bahawa mereka mampu menundukkan kami melalui pelbagai bentuk ancaman dan pemboikotan. Namun, mereka tidak menyedari bahawa sesebuah bangsa yang meletakkan sepenuhnya keyakinan kepada Allah SWT tidak akan sesekali dapat dilenyapkan kerana kekuatan-Nya tiada tolok bandingan. Sebagaimana yang dijelaskan dalam al-Quran:

وَمَن يَتَّقِ ٱللَّهَ يَجۡعَل لَّهُۥ مَخۡرَجٗا ٢ وَيَرۡزُقۡهُ مِنۡ حَيۡثُ لَا يَحۡتَسِبُۚ وَمَن يَتَوَكَّلۡ عَلَى ٱللَّهِ فَهُوَ حَسۡبُهُۥٓۚ إِنَّ ٱللَّهَ بَٰلِغُ أَمۡرِهِۦۚ قَدۡ جَعَلَ ٱللَّهُ لِكُلِّ شَيۡءٖ قَدۡرٗا ٣

...dan sesiapa yang bertaqwa kepada Allah (dengan mengerjakan suruhanNya dan meninggalkan laranganNya), nescaya Allah akan mengadakan baginya jalan keluar (dari segala perkara yang menyusahkannya), serta memberinya rezeki dari jalan yang tidak terlintas di hatinya. Dan (Ingatlah), sesiapa berserah diri bulat-bulat kepada Allah, maka Allah cukuplah baginya (untuk menolong dan menyelamatkannya). Sesungguhnya Allah tetap melakukan segala perkara yang dikehendakiNya. Allah telahpun menentukan kadar dan masa bagi berlakunya tiap-tiap sesuatu. (At-Talaq: 2-3)

Justeru itu, masih banyak lagi cara yang akan kami cuba usahakan.

Saudara-saudaraku, pada hari ini, propaganda seluruh dunia sedang dilancarkan dan pelbagai muslihat yang dilakukan oleh media massa mereka untuk menghalang dunia luar daripada mengetahui betapa mulianya pengalaman revolusi kita. Pedagang-pedagang senjata yang tidak berperikemanusiaan, pembunuh serta ejen penindas ini sedaya upaya untuk memperlihatkan Republik Islam yang bernilai ini dipandang rendah dan mereka mahu Revolusi Islam yang membawa rahmat serta manfaat ini dilihat sebagai sebuah malapetaka yang membawa kepada kemusnahan.

Dengan berpaksikan kepada modal Revolusi yang berteraskan al-Quran, kami membina sebuah sistem Republik Islam sebagai jaminan yang paling bernilai harganya. Apakah lagi bentuk kesamarataan yang didambakan oleh rakyat yang tidak mampu diberikan oleh Republik Islam?

Sebagai ganti kepada kerjasama dengan Timur dan Barat, kami membina dasar 'Tidak Tunduk kepada Timur dan Barat'; sebagai pengganti kepada kerajaan tirani, kami bina sistem pemerintahan yang adil dan mewujudkan perlembagaan Islam; sebagai ganti kepada nafsu dan kebendaan, kami bina rasa kasih dan sayang serta saling mempercayai antara satu sama lain; sebagai ganti daripada tunduk kepada kuasa luar, kami mengutamakan jerih perih dan hasrat rakyat; sebagai ganti daripada mengemis kepada bantuan luar, kami bersandar kepada kekuatan dan keupayaan diri; sebagai ganti kepada pencerobohan dan penjajahan budaya asing, kami bina semangat untuk meng-

hargai warisan sendiri dan berwaspada terhadap pengaruh luar.

Akhir sekali, sebagai ganti kepada agihan kekayaan yang tidak adil, kami ambil tindakan yang tegas terhadap pegawai yang menerima rasuah dan menyerahkan kembali hak kepada pemilik yang sebenarnya. Semua ini hanyalah sebahagian kecil daripada kejayaan revolusi dan inilah yang selama ini dirindukan oleh rakyat yang tertindas di muka bumi ini.

Pada hari ini, barisan kepimpinan dan rakyat kami telah bersedia daripada segenap lapisan masyarakat, bermula daripada pemimpin yang menjadi lambang cinta, harapan, kepercayaan rakyat serta menjadi peneraju utama yang mencetuskan segala gagasan revolusi. Beliau jugalah yang memberikan bimbingan kepada pegawai-pegawai atasan yang berwibawa di negara ini, kepada Majlis Syura yang tulus, berilmu, berdedikasi, serta kepada seluruh jentera pentadbiran sehinggalah kepada pekerja biasa. Begitu juga daripada rakyat jelata di hadapan medan peperangan sehinggalah kepada petani-petani di desa dan kawasan pedalaman. Pengalaman rakyat kita pada hakikatnya amat luar biasa dan merupakan aset yang amat bernilai kerana perjuangan ini adalah sebuah 'perniagaan' yang dijamin kejayaannya oleh Allah SWT, sebagaimana firman-Nya:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ هَلۡ أَدُلُّكُمۡ عَلَىٰ تِجَٰرَةٖ تُنجِيكُم مِّنۡ عَذَابٍ أَلِيمٖ ١٠ تُؤۡمِنُونَ بِٱللَّهِ وَرَسُولِهِۦ وَتُجَٰهِدُونَ فِي سَبِيلِ ٱللَّهِ بِأَمۡوَٰلِكُمۡ وَأَنفُسِكُمۡۚ ذَٰلِكُمۡ خَيۡرٞ لَّكُمۡ إِن كُنتُمۡ تَعۡلَمُونَ ١١ يَغۡفِرۡ لَكُمۡ ذُنُوبَكُمۡ وَيُدۡخِلۡكُمۡ جَنَّٰتٖ تَجۡرِي مِن تَحۡتِهَا ٱلۡأَنۡهَٰرُ وَمَسَٰكِنَ طَيِّبَةٗ فِي جَنَّٰتِ عَدۡنٖۚ ذَٰلِكَ ٱلۡفَوۡزُ ٱلۡعَظِيمُ ١٢

> Wahai orang-orang beriman! Mahukah Aku tunjukkan sesuatu perniagaan yang boleh menyelamatkan kamu daripada azab seksa yang tidak terperi sakitnya? Iaitu, kamu beriman kepada Allah dan rasulNya, serta kamu berjuang membela dan menegakkan ugama Allah dengan harta benda dan diri kamu; yang demikian itulah yang lebih baik bagi kamu, jika kamu hendak mengetahui (hakikat yang sebenarnya). (Dengan itu) Allah akan mengampunkan dosa-dosa kamu, dan memasukkan kamu ke dalam taman-taman yang mengalir di bawahnya beberapa sungai, serta ditempatkan kamu di tempat-tempat tinggal yang baik dalam Syurga 'Adn'. Itulah kemenangan yang besar. (As-Saf: 10–12)

Kami sentiasa beriman kepada Allah, beriman kepada Rasul-Nya dan berjuang di jalan-Nya. Dialah yang rahmat-Nya telah menyelamatkan kami daripada segala penderitaan di bawah pemerintahan yang zalim, dan Dialah jua yang memberi kejayaan kepada kami. Kami sentiasa menyedari bahawa kami sebenarnya masih berada di titik permulaan, dan kami tahu perjalanan kami masih lagi jauh. Namun, siapakah yang mampu menandingi kekuasaan Allah yang berupaya memberikan kekuatan kepada setiap hati, lalu menjadikan kita tetap berdiri teguh dan berjuang di jalan-Nya?

Seandainya mereka yang berusaha mengejar kebaikan di dunia pun diberikan ganjaran oleh Allah SWT, maka siapakah yang dapat menyangkal bahawa orang-orang yang berjuang untuk mendapat ganjaran di akhirat dengan hati yang penuh dengan keimanan, tidak akan menerima ganjaran yang amat bernilai serta manfaat daripada perjuangan mereka?

Segala hakikat ini telah pun dijelaskan dalam al-Quran.

إِنَّ هَٰذَا ٱلْقُرْءَانَ يَهْدِى لِلَّتِى هِىَ أَقْوَمُ وَيُبَشِّرُ ٱلْمُؤْمِنِينَ ٱلَّذِينَ يَعْمَلُونَ ٱلصَّٰلِحَٰتِ أَنَّ لَهُمْ أَجْرًا كَبِيرًا ٩

> Sesungguhnya Al-Quran ini memberi petunjuk ke jalan yang amat betul (ugama Islam), dan memberikan berita yang mengembirakan orang-orang yang beriman yang mengerjakan amal-amal soleh, bahawa mereka beroleh pahala yang besar. (Al-Isra: 9)

Akhir sekali, saya menyeru kepada seluruh ahli intelektual, pemikir, cendekiawan dan para ulama untuk bangkit berjuang untuk menjulang cita-cita Islam yang paling mendasar dan utama iaitu perpaduan dan penyatuan ummah dalam semua aspek. Berbicaralah dengan penuh keberanian serta kekuatan, dan laksanakanlah kajian yang mendalam mengenainya dalam mendepani situasi dunia yang kian genting ini. Melalui usaha inilah, akan terbentangnya jalan bagi sebuah pergerakan yang besar menuju penyatuan ummah.